



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN BANCİ PERTANIAN 2024 NEGERİ PERLIS

**Subsektor Tanaman Penyumbang Utama Kepada Sektor Pertanian
Negeri Perlis dengan Pendapatan Melebihi RM500 juta**

KANGAR, 16 APRIL 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan Laporan Banci Pertanian 2024 Negeri Perlis yang memperkenalkan parameter baharu bagi sektor pertanian, merangkumi pendapatan, perbelanjaan serta gaji dan upah bagi tahun rujukan 2023. Selain itu, laporan ini turut menyediakan parameter terkini berkaitan pegangan pertanian, keluasan bertanam dan bertuai, kuantiti pengeluaran dan jualan, nilai jualan, serta guna tenaga.

Dapatan ini adalah hasil daripada Banci Pertanian 2024 yang dilaksanakan bermula 7 Julai 2024 hingga 31 Oktober 2024 melalui kerjasama yang meluas dan strategik antara DOSM dengan 1,390 agensi berkaitan pertanian di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Antara kementerian dan agensi utama yang terlibat ialah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD), serta Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI). Di peringkat Negeri Perlis, terdapat 17 agensi berkaitan pertanian di peringkat persekutuan dan negeri. Antara agensi utama yang terlibat ialah Jabatan Pertanian Negeri Perlis, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis, Jabatan Perikanan Negeri Perlis, Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Perlis, Lembaga

Kemajuan Pertanian Muda (MADA) serta Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perlis.

Negeri Perlis merekodkan 20,125 pegangan pertanian dengan 19,994 pegangan pertanian individu yang meliputi 99.3 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian. Manakala, pegangan pertanian yang diuruskan oleh pertubuhan adalah sebanyak 131 pertubuhan. Profil yang telah dikemaskini ini juga menunjukkan bahawa sejumlah 20,337 pegangan pertanian subsektor tanaman dengan 20,255 adalah pegangan pertanian individu. Sebanyak 596 individu pula terlibat dalam subsektor ternakan, 43 individu subsektor akuakultur, 427 individu subsektor perikanan tangkapan dan lima individu subsektor perhutanan & pembalakan.

Keluasan bertanam bagi subsektor tanaman Negeri Perlis yang dilaporkan adalah seluas 62.6 ribu hektar. Keluasan bertanam tertinggi direkodkan oleh padi dengan 49.4 ribu hektar, diikuti oleh getah (10.0 ribu hektar) dan mangga (1.1 ribu hektar).

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, subsektor tanaman di Negeri Perlis mencatatkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM348.87 juta, diikuti oleh subsektor perikanan tangkapan RM179.15 juta dan subsektor ternakan RM44.45 juta. Subsektor perhutanan & pembalakan melaporkan nilai jualan sebanyak RM27.24 juta, manakala akuakultur RM6.64 ribu.

Prestasi Pendapatan

Jumlah pendapatan sektor pertanian Negeri Perlis pada tahun 2023 adalah RM828.57 juta, dengan subsektor tanaman merupakan penyumbang terbesar iaitu RM520.42 juta (62.8%) daripada jumlah keseluruhan pendapatan. Ini diikuti oleh subsektor perikanan tangkapan dengan RM183.48 juta (22.1%), subsektor ternakan RM90.41 juta (10.9%), subsektor perhutanan & pembalakan RM27.55 juta (3.3%) serta subsektor akuakultur RM6.72 juta (0.8%).

Pegangan pertanian yang dikendalikan oleh pertubuhan menyumbang RM247.63 juta, bersamaan dengan 29.9 peratus daripada jumlah pendapatan sektor pertanian Perlis, manakala pegangan pertanian individu mencatatkan RM580.94 juta (70.1%). Corak yang sama turut diperhatikan merentasi lima (5) subsektor iaitu tanaman, ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur dan perhutanan & pembalakan.

Pegangan pertanian individu menjana pendapatan yang lebih tinggi sebanyak RM480.40 juta (92.3%) dalam subsektor tanaman dan RM91.98 juta (50.1%) dalam subsektor perikanan tangkapan berbanding RM40.02 juta (7.7%) dan RM91.50 juta (49.9%) daripada pegangan pertanian pertubuhan masing-masing. Sementara itu, pegangan pertanian pertubuhan mendominasi subsektor ternakan sebanyak RM82.55 juta (91.3%), akuakultur sebanyak RM6.06 juta (90.3%) dan perhutanan & pembalakan sebanyak RM27.50 juta (99.8%) berbanding RM7.86 juta (8.7%), RM0.65 juta (9.7%) dan RM51,500 (0.2%) daripada pegangan pertanian individu.

Tanaman padi, mangga dan kelapa sawit merupakan penyumbang utama pendapatan subsektor tanaman masing-masing dengan RM309.46 juta, RM26.28 juta dan RM16.47 juta. Bagi subsektor ternakan, ayam mencatatkan pendapatan tertinggi sebanyak RM73.90 juta, diikuti oleh lembu (RM13.10 juta) dan kambing (RM2.76 juta).

Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian Negeri Perlis pada tahun 2023 adalah RM388.82 juta. Subsektor tanaman merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM223.23 juta (57.4%) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pertanian, diikuti oleh subsektor ternakan (RM81.21 juta; 20.9%), perikanan tangkapan (RM70.29 juta; 18.1%), perhutanan & pembalakan (RM11.28 juta; 2.9%) serta akuakultur (RM2.81 juta ; 0.7%).

Pegangan pertanian yang diusahakan oleh pertubuhan menyumbang RM141.86 juta bersamaan 36.5 peratus kepada keseluruhan perbelanjaan sektor pertanian Perlis, manakala pegangan individu mencatatkan RM246.96 juta (63.5%). Corak yang sama juga ditunjukkan dalam lima (5) subsektor iaitu tanaman, ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur serta perhutanan dan pembalakan. Pegangan individu mencatatkan perbelanjaan yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM207.19 juta (92.8%) dalam subsektor tanaman dan RM35.43 juta (50.4%) dalam subsektor perikanan tangkapan, berbanding RM16.04 juta (7.2%) dan RM34.86 juta (49.6%), masing-masing, daripada pegangan pertubuhan. Sebaliknya, pegangan pertubuhan mendominasi subsektor ternakan dengan RM76.98 juta (94.8%), akuakultur sebanyak RM2.71 juta (96.4%) dan perhutanan & pembalakan sebanyak RM11.28 juta (99.9%), berbanding RM4.23 juta (5.2%), RM103,151 (3.6%) dan RM1,765 (0.1%), masing-masing, daripada pegangan individu.

Bagi subsektor tanaman, aktiviti penanaman padi mencatatkan perbelanjaan tertinggi dengan RM134.52 juta, diikuti mangga (RM10.51 juta) dan kelapa sawit (RM4.87 juta). Bagi subsektor ternakan pula, ayam merekodkan perbelanjaan tertinggi sebanyak RM73.66 juta, diikuti oleh lembu (RM5.48 juta) dan kambing (RM1.65 juta).

Guna Tenaga dan Gaji & Upah

Guna Tenaga sektor pertanian Negeri Perlis mencatatkan seramai 24,224 orang pada tahun 2023. Tiga aktiviti tanaman yang merekodkan jumlah guna tenaga tertinggi adalah tanaman padi (18,309 orang), tanaman buah-buahan (5,254 orang) dan tanaman getah (4,751 orang). Purata gaji dan upah tahunan dalam sektor pertanian adalah sebanyak RM17,467.

Melangkah Ke hadapan

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, DOSM turut membangunkan Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) yang telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, pada 7 Disember 2025. Inisiatif ini merupakan satu langkah strategik dalam transformasi pengurusan data pertanian negara melalui pembangunan sebuah platform pintar bersepadu yang menggabungkan hasil banci, data pentadbiran dan maklumat rantaian bekalan ke dalam satu ekosistem digital bersepadu.

Sektor pertanian kekal sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Ia bukan sahaja memainkan peranan dalam memastikan bekalan makanan yang mencukupi, malah turut menyumbang secara signifikan dalam mengurangkan kebergantungan negara terhadap import, menyokong industri pemprosesan, mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan isi rumah, khususnya para petani. Melalui banci ini, statistik pertanian tersedia sehingga ke peringkat lokaliti terkecil menyediakan maklumat di peringkat granular yang membolehkan pelaksanaan intervensi yang lebih bersasar dan bersesuaian. Data sehingga ke peringkat terperinci ini akan menyokong perancangan dan pembuatan keputusan yang lebih berkesan oleh pihak berkepentingan dan seterusnya menyumbang kepada pemerkasaan berterusan sektor pertanian negara.

Rancangan Tempatan Perlis memfokuskan pemerkasaan sektor pertanian melalui pengukuhan peranan sebagai jelapang padi negara, transformasi ke arah pertanian pintar berasaskan teknologi, serta pengembangan tanaman bernilai tinggi seperti mangga harumanis. Inisiatif ini turut disokong oleh penambahbaikan infrastruktur pertanian, pembangunan agropreneur dan pengukuhan rantai nilai, sekali gus meningkatkan daya tahan sektor dan menyokong keterjaminan makanan negara.

Banci Pertanian akan dilaksanakan sekali pada setiap 10 tahun bagi memastikan data adalah relevan dan menggambarkan struktur sektor pertanian negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Disember hingga 31 November 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 merupakan hab utama maklumat pertanian bersepadu yang menyediakan paparan statistik berinformatif, berstruktur dan mesra pengguna bagi memperkukuh pemahaman awam terhadap corak dan perubahan sektor pertanian, sekaligus menyokong inisiatif transformasi digital ke arah dasar yang lebih inklusif dan berasaskan bukti. Akses TaniStats di <https://tanistats.dosm.gov.my>

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 APRIL 2026

**Jadual 1: Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Mengikut Aktiviti,
Negeri Perlis, 2023**


AKTIVITI	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)
JUMLAH	828.57	388.82
Tanaman	520.42	223.23
Kelapa Sawit	16.47	4.87
Padi	309.46	134.52
Getah	47.91	19.83
Nanas	8.97	5.43
Kenaf	2.80	1.18
Koko	0.03	0.01
Buah-buahan	106.33	46.84
Sayur-sayuran	18.75	6.01
Tanaman lain	9.71	4.54
Ternakan	90.41	81.21
Perikanan	190.19	73.10
Perikanan Tangkapan	183.48	70.29
Akuakultur	6.72	2.81
Perhutanan & Pembalakan	27.55	11.28

Paparan 1: Infografik Profil Pegangan Pertanian dan Parameter Utama Sektor Pertanian, Perlis, 2023




KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

PROFIL PEGANGAN PERTANIAN DAN PARAMETER UTAMA SEKTOR PERTANIAN, PERLIS, 2023



PARAMETER UTAMA SEKTOR PERTANIAN, NEGERI PERLIS, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia

B/26
BANKI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA MADANI
Kemampuan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
KEMUPAKSI PERSILANGAN
DI DUNIA

20 Oktober

2016 - 2030





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

AGRICULTURE CENSUS 2024 REPORT: PERLIS

The Crop Subsector is the Main Contributor to the Agriculture of Perlis, with the Total Income of More Than RM500 million

KANGAR, 16TH APRIL 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the Agriculture Census 2024 Report for Perlis, introducing new parameters for the agriculture sector, including income, expenditure and salaries and wages for the reference year 2023. The report also provides the latest statistics on agricultural holdings, planted and harvested areas, production and sales quantities, sales value and employment.

These findings are derived from the Agriculture Census 2024, conducted from 7th July 2024 to 31st October 2024 through extensive and strategic collaboration between DOSM and 1,390 agriculture-related agencies at the federal, state, and district levels. Key ministries and agencies involved include the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM), the Ministry of Plantation and Commodities (KPK), the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES), the Sarawak Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development (M-FICORD) and the Sabah Ministry of Agriculture, Fisheries and Food Industry (MAFFI). At the state level in Perlis, there are 17 agencies related to agriculture at both the federal and state levels. Among the key agencies involved are the Perlis State Department of Agriculture, Perlis State Department of Veterinary Services, Perlis State Department of Fisheries, Perlis

State Forestry Department, Muda Agricultural Development Authority (MADA), as well as the Perlis State Farmers' Organization Authority.

Perlis recorded 20,125 agricultural holdings, of which 19,994 were individual agricultural holdings, representing 99.3 per cent of the total. Meanwhile, 131 holdings were managed by establishments. The updated profile also indicates 20,337 crop subsector agricultural holdings, of which 20,255 are individual agricultural holdings. In addition, 596 individuals are involved in livestock activities, 43 individuals in aquaculture, 427 individuals in captured fisheries and five individuals in forestry & logging activities.

The total planted area for the crops subsector in Perlis was recorded at 62.6 thousand hectares. Paddy accounted for the largest share with 49.4 thousand hectares, followed by rubber (10.0 thousand hectares) and mango (1.1 thousand hectares).

According to the Agriculture Census 2024, the crop subsector in Perlis achieved the highest sales value at RM348.87 million, with captured fisheries subsector recording RM179.15 million and livestock subsector at RM44.45 million. The forestry & logging subsector reported sales of RM27.24 million, while aquaculture subsector RM6.64 thousand.

Income Performance

The total income of the agriculture sector for Perlis in 2023 amounted to RM828.57 million, with the crop subsector was emerged as the largest contributor at RM520.42 million (62.8%) followed by the captured fisheries subsector at RM183.48 million (22.1%), livestock subsector RM90.41 million (10.9%), forestry & logging RM27.55 million (3.3%) and aquaculture RM6.72 million (0.8%).

Agricultural holdings operated by establishments contributed RM247.63 million, equivalent to 29.9 per cent of Perlis' total agriculture sector income, while individual agricultural holdings recorded RM580.94 million (70.1%). A similar pattern was observed across five (5) subsectors namely crop, livestock, captured fisheries, aquaculture and forestry & logging. Individual agricultural holdings generated higher income of RM480.40 million (92.3%) in the crop subsector, RM91.98 million (50.1%) in the captured fisheries subsector as compared to RM40.02 million (7.7%) and

RM91.50 million (49.9%) from establishment agricultural holdings respectively. Meanwhile, establishment agricultural holdings dominated the livestock subsector at RM82.55 million (91.3%), aquaculture at RM6.06 million (90.3%) and forestry & logging at RM27.50 million (99.8%) as compared to RM7.86 million (8.7%), RM0.65 million (9.7%) and RM51,500 (0.2%) from individual agricultural holdings.

Paddy, mango and oil palm are the main contributors to income in the crop subsector, recording RM309.46 million, RM26.28 million and RM16.47 million, respectively. For the livestock subsector, chicken recorded the highest income at RM73.90 million, followed by cows (RM13.10 million) and goats (RM2.76 million).

Expenditure Incurred

The total expenditure of the agricultural sector for Perlis in 2023 amounted to RM388.82 million. The crop subsector recorded the highest expenditure, amounting to RM223.23 million (57.4%) of the total agricultural expenditure, followed by the livestock subsector (RM81.21 million; 20.9%), captured fisheries (RM70.29 million; 18.1%), forestry & logging (RM11.28 million; 2.9%) and aquaculture (RM2.81 million; 0.7%).

Agricultural holdings operated by establishments contributed RM141.86 million, equivalent to 36.5 per cent of Perlis' total agriculture sector expenditure, while individual holdings recorded RM246.96 million (63.5%). A similar pattern was observed across five (5) subsectors namely crop, livestock, captured fisheries, aquaculture and forestry & logging. Individual holdings recorded higher expenditure of RM207.19 million (92.8%) in the crop subsector and RM35.43 million (50.4%) in the captured fisheries subsector, as compared to RM16.04 million (7.2%) and RM34.86 million (49.6%), respectively, from establishment holdings. Conversely, establishment holdings dominated the livestock subsector at RM76.98 million (94.8%), aquaculture at RM2.71 million (96.4%) and forestry & logging at RM11.28 million (99.9%), as compared to RM4.23 million (5.2%), RM103,151 (3.6%) and RM1,765 (0.1%), respectively, from individual holdings.

For the crop subsector, paddy recorded the highest expenditure at RM134.52 million, followed by mango (RM10.51 million) and oil palm (RM4.87 million). For the livestock

subsector, chicken recorded the highest expenditure at RM73.66 million, followed by cattle (RM5.48 million) and goat (RM1.65 million).

Employment and Wages & Salaries

Employment in the agriculture sector for Perlis recorded 24,224 persons in 2023. The three crop activities that recorded the highest employment were paddy crops (18,309 persons), fruit crops (5,254 persons) and rubber (4,751 persons). The average annual wages and salaries in the agriculture sector was amounted to RM17,467.

Moving Forward

Based on the Agriculture Census 2024, DOSM has also developed the Agricultural Statistics Digital Gateway (TaniStats 2.0), which was officiated by the Chief Secretary to the Government, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, on 7th December 2025. This initiative represents a strategic step in transforming the nation's agricultural data management through the development of an integrated smart platform that consolidates census results, administrative data and supply chain information into a comprehensive digital ecosystem.

The agriculture sector remains one of the key drivers of national economic growth. Beyond ensuring adequate food supply, the sector contributes significantly to reducing the nation's dependence on imports, supporting processing industries, creating employment opportunities, and increasing household income, particularly among farmers. Through this census, agriculture statistics are available down to the smallest locality level, providing granular information that enables more targeted interventions. Such detailed data will support more effective planning and decision-making by stakeholders, thereby strengthening the continued development of the national agriculture sector.

The Perlis Local Plan focuses on strengthening the agricultural sector by reinforcing its role as a national rice bowl, advancing smart farming through technology adoption, and expanding high-value crops such as harumanis mangoes, these efforts are further supported by improved agriculture infrastructure, agropreneur development and stronger value chains, ultimately enhancing sector resilience and supporting national food security.

The Agriculture Census is conducted once every ten years to ensure that the data remains relevant and reflective of the structure of the national agriculture sector.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st November 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 is a centralised agricultural information hub that provides informative, structured and user-friendly statistical dashboards to strengthen public understanding of patterns and changes in the agriculture sector, thus supporting digital transformation initiatives towards more inclusive and evidence-based policies. Access TaniStats at <https://tanistats.dosm.gov.my>.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
16 APRIL 2026

Table 1: Total Income and Expenditure by Activities, Perlis, 2023


ACTIVITY	TOTAL INCOME (RM Million)	TOTAL EXPENDITURE (RM Million)
TOTAL	828.57	388.82
Crops	520.42	223.23
Oil Palm	16.47	4.87
Paddy	309.46	134.52
Rubber	47.91	19.83
Pineapple	8.97	5.43
Kenaf	2.80	1.18
Cocoa	0.03	0.01
Fruits	106.33	46.84
Vegetables	18.75	6.01
Other Crops	9.71	4.54
Livestocks	90.41	81.21
Fisheries	190.19	73.10
Captured Fisheries	183.48	70.29
Aquaculture	6.72	2.81
Forestry & Logging	27.55	11.28

Exhibit 1: Infographic Agricultural Holdings Profile And Key Parameters Agriculture Sector, Perlis, 2023




MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

AGRICULTURAL HOLDINGS PROFILE AND KEY PARAMETERS AGRICULTURE SECTOR, PERLIS, 2023



KEY PARAMETERS OF THE AGRICULTURE SECTOR, PERLIS, 2023



Source: Agriculture Census 2024

